

10/04/1998

Ansara sumbangkan lembu setiap tahun

KUALA SELANGOR, Khamis - Gabungan Persatuan Bekas Lulusan Pelajar Maktab Rendah Sains Mara (Ansara) bercadang menyumbangkan lembu bagi tujuan korban sempena Aidiladha sebagai sebahagian daripada kegiatannya.

Presidennya, Mukhriz Mahathir berkata, tahun ini Ansara menyumbangkan 11 ekor lembu bagi tujuan itu di Kampung Kuantan kira-kira 16 kilometer dari sini.

"Ini adalah kegiatan pertama Ansara menyumbangkan lembu bagi tujuan korban dan hasrat kami untuk menjadikannya kegiatan tahunan pada masa depan," katanya kepada pemberita di majlis penyembelihan 11 ekor lembu di Masjid Kampung Kuantan di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Besar Datuk Abu Hassan Omar; Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), Datuk Nahwari Hashim; dan Pegawai Daerah Kuala Selangor, Ishak Ahmad.

Mukhriz berkata, gabungan itu kini mempunyai kira-kira 18,000 ahli daripada sembilan persatuan di seluruh negara dan membuat keputusan untuk menyumbangkan lembu bagi tujuan korban sempena Aidiladha tahun ini.

Katanya, kira-kira 800 bungkusan daging korban itu diagih kepada penduduk kampung terutama fakir miskin.

Sementara itu, Abu Hassan berkata Kampung Kuantan dipilih menyempurnakan majlis korban disebabkan mempunyai empat kampung berlainan iaitu Kampung Sepakat, Kampung Asahan dan Kampung Siam.

(END)